



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Tarikh: 30 Jun 2025

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk ini menyediakan maklumat penting tentang insurans berkaitan pelaburan anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1 Apa itu PrimeLink ?

PrimeLink ialah pelan tanpa penyertaan yang menawarkan gabungan insurans perlindungan dan pelaburan. Pelan ini menyediakan perlindungan sekiranya berlaku Kematian Biasa, Kematian Akibat Kemalangan dan Kehilangan Upaya Menyeluruh dan Kekal. Pelan ini juga menyediakan Manfaat Ihsan, Perlindungan Terjamin selama 5 tahun dan Manfaat Matang.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, bagi **RM3,050.00*** secara tahunan, anda akan menerima **perlindungan** seperti yang berikut:
**Premium yang ditunjukkan adalah terpakai untuk lelaki berumur 30 tahun pada hari jadi berikutnya yang tidak merokok, dengan tempoh pembayaran premium selama 5 tahun, tempoh polisi selama 30 tahun, Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak RM500,000 dan risiko piawai.*

Kematian Biasa	RM500,000 ditambah Nilai Akaun, ditolak sebarang keterhutangan.
Kematian Akibat Kemalangan	RM1,000,000 ditambah Nilai Akaun, ditolak sebarang keterhutangan.
Kehilangan Upaya Menyeluruh dan Kekal	RM500,000 ditambah Nilai Akaun, ditolak sebarang keterhutangan.
Manfaat Ihsan	RM3,000 akan dibayar apabila berlaku kematian.
Manfaat Matang	Nilai Akaun, ditolak sebarang keterhutangan.
Perlindungan Tambahan	Ini adalah perlindungan tambahan yang anda boleh pilih bersama dengan pelan ini: 1. Critical illnessProtect 2. CI Waiver Plus 3. M-LifeCare 4. CI Multi Shield (dengan/tanpa Manfaat Pemulihan Kanser) 5. I-Linked LadyCare Rider 2 (dengan/tanpa Manfaat Kehamilan) 6. I-Linked PA Rider 2 7. I-Linked Hospital Benefit Rider 2

Insurans berkaitan pelaburan anda **tidak termasuk**:

- Kematian akibat bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan semasa dalam keadaan siuman atau tidak siuman dalam tempoh 13 bulan dari tarikh pengeluaran polisi atau tarikh penguatkuasaan semula yang mana lebih kemudian;
- Kematian Akibat Kemalangan disebabkan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri yang disengajakan semasa siuman atau tidak siuman; dan
- Kehilangan Upaya Menyeluruh dan Kekal sedia ada pada tarikh pengeluaran polisi atau pada tarikh penguatkuasaan semula.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus rujuk kepada kontrak polisi bagi senarai pengecualian yang penuh.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans berkaitan pelaburan anda, anda boleh:

Hubungi
03-7652 3388Layari
[PrimeLink](#)Emel
customerservice@mcis.my

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi insurans berkaitan pelaburan anda, anda harus membayar premium sebanyak:

Premium Asas ¹	RM6,000.00 secara tahunan bagi Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak RM500,000 . Caj-caj Insurans yang diilustrasikan di dalam Ilustrasi Produk dikenakan ke atas risiko piawai.
---------------------------	---

Premium Tambah Nilai Pelaburan Tahun Pertama Polisi	RM0
Tempoh Polisi: 30 tahun	Tempoh Pembayaran Premium: 5 tahun
MCIS Insurance Berhad memperuntukkan sebahagian daripada Premium Dibayar ² untuk pembelian unit-unit dalam dana(-dana) berkaitan pelaburan pilihan anda.	
Premium Dibayar ² yang diperuntukkan untuk pembelian unit-unit	Tahun Polisi Pertama: 85.00% daripada Premium Dibayar ² atau RM5,100 . Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk butiran lanjut.
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj yang berikut:	
Komisen	7.25% daripada jumlah Premium Dibayar ² atau RM2,175 . Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk butiran lanjut.

¹Premium Asas merujuk kepada hasil jumlah Premium Berkala dan Premium Tambah Nilai Berkala.

²Premium Dibayar merujuk kepada hasil jumlah Premium Asas dan Premium Tambah Nilai Pelaburan.

4 Terma Penting Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin mengalami risiko tuntutan anda ditolak atau polisi anda ditamatkan.
- Terma polisi dan Caj-caj Insurans mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan oleh MCIS Insurance Berhad.
- Caj-caj insurans dan caj-caj lain yang berkenaan adalah tidak dijamin. MCIS Insurance Berhad berhak untuk mengubah Caj-caj Insurans dan caj-caj lain yang berkenaan dengan memberikan 90 hari notis bertulis dahulu.
- Nilai Akaun bagi pelan insurans berkaitan pelaburan bergantung kepada prestasi dana(-dana) pilihan anda. Pulangan ke atas dana berkaitan pelaburan adalah tidak dijamin.
- Bagi memaksimumkan Nilai Akaun, anda boleh menambah nilai Premium Tambah Nilai Pelaburan pada bila-bila masa.
- Tempoh tangguh 30 hari bagi kekerapan pembayaran premium bulanan dan 45 hari bagi kekerapan pembayaran premium lain adalah terpakai.
- Pelan insurans berkaitan pelaburan anda akan luput apabila Nilai Akaun tidak mencukupi untuk membayar Caj-caj Insurans dan caj-caj lain. Ini tidak terpakai jika terma dan syarat Perlindungan Terjamin selama 5 Tahun dalam tempoh 5 Tahun Polisi pertama dipenuhi.
- Jika anda tidak membayar premium, Caj-caj Insurans bulanan dan Yuran Polisi akan terus ditolak daripada Nilai Akaun. Polisi ini tidak akan dibatalkan akibat kegagalan membayar premium selagi Nilai Akaun mencukupi untuk menampung Caj-caj Insurans bulanan dan Yuran Polisi.
- Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur tuntutan dan borang yang berkaitan dengan menghubungi MCIS Insurance Berhad.
- Anda dinasihatkan untuk menamakan seorang penama(-penama) bagi pelan ini dan memastikan penama(-penama) anda sedar tentang pelan insurans yang telah anda beli.
- Jika anda bertukar polisi anda daripada satu syarikat insurans kepada yang lain atau bertukar daripada satu jenis pelan insurans kepada yang lain, anda mungkin dikenakan terma dan syarat baharu bagi pelan insurans baharu atau oleh syarikat insurans baharu.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat penuh.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada MCIS Insurance Berhad.

- Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan Polisi anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh penerimaan Polisi. MCIS Insurance Berhad akan membayar balik kepada anda premium yang tidak diperuntukkan, Nilai Akaun dan sebarang Caj-caj Insurans dan Yuran Polisi yang telah ditolak, tolak dengan sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung.
- Selepas Tempoh Bertenang:** Jika anda membuat keputusan untuk tidak meneruskan Polisi anda selepas tempoh bertenang, anda boleh membatalkan dengan menghantar emel atau menulis kepada MCIS Insurance Berhad. Selepas menerima permintaan pembatalan, MCIS Insurance Berhad akan membayar Nilai Akaun ditolak sebarang keterhutangan.